


<https://news.usm.my>

Berita Mutakhir

29 MAR

USM KOMITED MEMACU KELESTARIAN UNIVERSITI



PULAU PINANG, 29 Mac 2015 – Universiti Sains Malaysia (USM) komited memacu kelestarian universiti ini termasuklah mengambil langkah penjimatan elektrik yang harus dipuji kerana kesannya sangat besar kepada bumi bertepatan dan selari dengan hasrat universiti dalam memastikan kelestarian hari esok.

Tindakan sedemikian juga sebahagian dari usaha menyelamatkan bumi daripada pemanasan global. Demikian kata Pengarah Kampus Kejuruteraan, Profesor Dr. Zainal Arifin Mohd. Ishak yang mewakili Naib Canselor merasmikan Program Earth Hour 2015 di Padang Kawad malam tadi.




Zainal Arifin memuji usaha murni mengadakan program ini yang perlu terus dilaksanakan secara berterusan agar dapat memberi impak positif kepada masyarakat dan warga USM khususnya. "Secara jujur, saya berasa sangat kagum dengan penyertaan para pelajar yang sanggup berkorban masa dan tenaga menyertai program ini walau pun diadakan pada hari cuti," kata Zainal Arifin.

Dianggarkan lebih 1,000 orang peserta mengikuti program ini.




Zainal Arifin menegaskan, mahasiswa yang cintakan kelestarian bumi perlu bersama-sama mengambil langkah proaktif bagi mengelakkan penggunaan elektrik secara berlebihan dengan menutup semua suis ketika hendak keluar ke kelas serta menutup lampu sebelum tidur sebagai langkah penjimatan dilakukan secara berterusan.

Yang Dipertua Sukarelawan Kampus Sejahtera, Wee Soon Kit pula menzahirkan penghargaan kepada semua yang mengambil bahagian melalui sokongan dan kerjasama rapat dari banyak pihak terutamanya dalam kalangan para pegawai universiti yang sentiasa memberikan bantuan.



Sementara itu Program "Stick It" telah diperkenalkan oleh Pusat Pendidikan, Latihan dan Penyelidikan Tenaga Diperbaharui dan Kecekapan Tenaga (CETREE) dengan mencetak 17,000 keping yang akan diedarkan oleh Sekretariat Kampus Sejahtera yang turut disertai 180 orang sukarelawan dari lapan desasiswa kampus induk.

Malam tadi, sebanyak 9,835 pelekat diedarkan dan ditampal melibatkan lapan desasiswa melibatkan 5,280 bilik yang diberi kesedaran tentang penjimatan elektrik. Sambutan "Earth Hour" USM 2015 dianjurkan oleh Sekretariat Kampus Sejahtera dengan kerjasama CETREE dan Majlis Penghuni Desasiswa (MPD) Kampus Induk sebagai acara tahunan untuk memberi penerapan akan peri penting penjagaan sumber alam kepada para mahasiswa. Sambutan "Earth Hour" dan Bulan Kecekapan Tenaga 2015 ini merupakan kemuncak kepada sambutan bulan kecekapan tenaga kampus yang telah diisi dengan pelbagai program dan aktiviti anjuran Sukarelawan Kampus Sejahtera, antaranya ialah pertandingan menterjemahkan idea penjimatan elektrik dengan mereka bentuk pelekat penjimatan elektrik yang disertai oleh para pelajar USM.



Kemuncak sambutan ialah dengan menginspirasi sambutan "Earth Hour" melalui tema "I Will If You Will" dalam lukisan sepanjang 20 meter yang disertai oleh kira-kira 100 orang peserta. Sambutan "Earth Hour" pada tahun ini berbeza dari sebelumnya dengan memperkenalkan Anugerah Desasiswa Lestari yang dimenangi oleh Desasiswa Tekun yang dinilai melalui empat kriteria iaitu perarakan setiap wakil desasiswa ke padang kawad dengan cara yang kreatif dan menarik berserta maskot, peratusan lampu setiap bilik di desasiswa yang ditutup dari pukul lapan hingga sepuluh malam, bilangan penghuni desasiswa yang berjaya dikumpul oleh setiap Majlis Penghuni Desasiswa (MPD) dan penilaian dari aktiviti kelestarian yang telah dilaksanakan sepanjang sidang.



Hadiah piala pusingan telah disempurnakan oleh Timbalan Pendaftar, Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar (HEP) USM, Haji Husin Yahaya.

Antara anugerah lain ialah Kain Rentang Terbaik dimenangi oleh Desasiswa Indah Kembara bagi tempat pertama, tempat kedua peserta wanita Farah Najwa dan Fatin Najwa, manakala tempat ketiga dimenangi oleh Desasiswa Restu.



Turut diadakan ialah acara larian "Earth Hour" USM 2015.

Yang hadir sama memeriahkan serta memberi sokongan ialah Pengarah CETREE USM Profesor Dr. Haslan Abu Bakar; Pengarah Bahagian Hal Ehwal Pembangunan Pelajar (HEP) Dr. Nazarudin Zainon; Pengerusi Majlis Penggawa-Penggawa Profesor Madya Dr. Mahmod Sabri Haron; para penggawa desasiswa kampus Induk dan pegawai-pegawai utama universiti. Teks: Siti Naquiah Binti Abdillah / Foto: Mohd Fairus Md Isa & Zamani Abdul Rahim



Share This

Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : pro@usm.my (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia](http://www.usm.my) (<http://www.usm.my>)

[Client Feedback / Comments \(http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp\)](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015